

SIARAN MEDIA

SISTEM I-LESEN TINGKATKAN PERKHIDMATAN DIGITALISASI INDUSTRI PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM NEGARA

PUTRAJAYA, 9 November 2023 – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan **Majlis Pelancaran Inisiatif Digitalisasi Industri Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara** yang berlangsung di Dewan Kristal, KPKT pada pagi ini. Teks ucapan perasmian Menteri KPKT, YB Nga Kor Ming (YB KM) telah dibacakan oleh Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib.

Majlis pelancaran ini adalah selaras dengan aspirasi KPKT ke arah penyampaian perkhidmatan yang efektif dan berkesan khususnya kepada **hampir 9,000 pemain industri perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam negara** dengan memanfaatkan perkembangan teknologi dalam usaha pendigitalan. Seramai hampir 400 orang pemegang lesen dengan KPKT melalui JPSPN telah hadir di majlis ini.

KPKT mengadaptasi kemajuan teknologi maklumat khususnya dalam transformasi perkhidmatan pelesenan kepada digital bagi membolehkan industri pengurusan sisa pepejal terus berkembang maju dengan memperkenalkan **Sistem i-Lesen** yang memudahkan proses kelulusan bagi **enam (6) jenis lesen** iaitu :

- a) Lesen Kutipan Komersial, Perindustrian, Keinstitusian;
- b) Lesen Kutipan Isi Rumah;
- c) Lesen Pembersihan Awam;
- d) Lesen Kutipan Pembinaan;
- e) Lesen Pengangkutan Jauh; dan
- f) Lesen Pelupusan Operasi Fasilitas.

Menurut YB KM, “Sistem i-Lesen membolehkan permohonan kelulusan yang lengkap diproses dalam tempoh **24 jam berbanding tujuh (7) hari** sebelum ini. Penggunaan Sistem i-Lesen juga **meningkatkan produktiviti sehingga 90 peratus** serta **menjimatkan masa dan tenaga** pihak berkepentingan KPKT selaras hasrat Kerajaan mewujudkan persekitaran mesra perniagaan (*business-friendly environment*) atau juga

disebut “*ease of doing business*”.

Sistem i-Lesen juga membolehkan pemegang lesen melaksanakan pembayaran secara dalam talian daripada **33 institusi perbankan** menggunakan ***Financial Process Exchange*** (FPX) yang disediakan oleh Kumpulan AFFIN selaku ***Acquiring Bank***.

Pelancaran Sistem i-Lesen menyaksikan kejayaan kolaborasi strategik antara **Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)**, **Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)** dan **Kumpulan AFFIN** yang melengkapkan proses digitalisasi pelesenan di bawah Kementerian ini.

Selain itu, KPKT juga sedang melestarikan modal insan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam negara. Antara perancangan jangka panjang KPKT bersama - sama dengan JPSPN adalah untuk meningkatkan kemahiran pekerja tempatan yang merangkumi hampir 19,000 orang tenaga mahir dalam kalangan rakyat tempatan yang terlibat dalam sektor pekerjaan 3D (*difficult, dangerous and dirty*) agar lebih cekap dan terlatih.

Justeru, program pembangunan kompetensi khususnya kepada personel-personel yang terlibat dengan pengurusan sisa pepejal sedang dirangka selari dengan hasrat KPKT dalam memperkasakan modal insan yang profesional, berprestasi tinggi dan seterusnya menjadikan Malaysia bergerak ke arah yang lebih baik dan mampan seiring dengan keperluan Malaysia MADANI.

#MalaysiaMADANI

#StrongerTogether

#DemiPertawi

#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

